

24/04/1997

Projek awal tebus guna laut siap lapan bulan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SAMUDERA Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera Baru), syarikat yang bakal diberi kelulusan melaksanakan dua pakej projek tebus guna laut bernilai RM5 bilion di perairan Kedah berjanji kepada kerajaan negeri untuk menyiapkan satu daripadanya dalam tempoh lapan bulan.

Jika kelulusan pelaksanaan projek itu diberikan sekarang, Samudera Baru akan menyiapkan kerja tebus guna satu daripada dua pakej projek seluas kira-kira 6,300 hektar itu menjelang 1 Januari tahun depan.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, berkata kerajaan pada dasarnya bersetuju menyerahkan projek menebus guna kawasan perairan berhampiran Kuala Muda kepada syarikat itu.

Menurutnya, kelulusan secara rasmi kepada syarikat itu terpaksa ditangguh sehingga minggu depan kerana Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) memerlukan masa menyediakan dokumen untuk dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

"Menurut pegawai Samudera Baru, jika kelulusan segera diberikan, kita boleh menyambut tahun baru (1 Januari 1998) atas tanah yang ditebus guna itu.

"Kerja menebus guna bukan sesuatu yang memerlukan teknologi tinggi ... ia hanya kerja meletakkan tanah dari satu tempat ke tempat lain," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco, di Wisma Darulaman, di Alor Star, semalam.

Sanusi berkata, cadangan tebus guna oleh Samudera Baru akan dibincangkan dalam mesyuarat minggu Exco, Rabu depan bersama cadangan pembangunan Pulau Bunting oleh SKS Venture Sdn Bhd dan taman tema berharga RM30 juta oleh A'Formosa Golf Resort Sdn Bhd, di Jitra.

Samudera Baru mengemukakan cadangan pelan induk menebus guna keseluruhan perairan Kedah sepanjang 100 kilometer dari Kuala Sanglang, di sempadan Kedah-Perlis hingga Kuala Muda yang bersempadan dengan Pulau Pinang.

Taklimat khas mengenai cadangan itu diadakan di Alor Star, Sabtu lalu yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keseluruhan projek yang dibina kira-kira 500 meter dari pantai dicadang disiapkan dalam tempoh 20 tahun dengan membina sembilan pulau.

Dua pulau utama (dalam pakej satu dan dua) dicadangkan dengan pembinaan kompleks perindustrian bersepadu, termasuk industri aerospace dan petrokimia, pelabuhan kontena, terminal kapal pelancongan, stesen janakuasa, kawasan kediaman, pusat peranginan dan pantai.

(END)